

DR. M TETAP TERLUKA!

Era Baru - 30/6/2006



OLEH IDRIS TULIS

KUALA LUMPUR
Ketika berucap merasmikan penubuhan Veteran UMNO Malaysia di Ipoh, Perak baru-baru ini, Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sempat berpesah kepada seluruh pemimpin UMNO termasuk golongan veteran, supaya berani menegur dan memarahi terutama kepada pemimpin-pemimpin muda sekiranya di dapati ada berlaku kesilapan atau kelemahan demi kepentingan Kerajaan dan UMNO. Inilah amanat Pak Lah yang didengari oleh ratusan ahli UMNO yang hadir pada hari perasmian Veteran UMNO itu.

Malangnya, tidak sampai 30 hari selepas itu, secara kebetulan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan niat baik dan murni telah menegur kepimpinan Pak Lah berhubung

• LIHAT MUKA 2

IMBAS KEMBALL..

Dr Mahathir diterangkan oleh salah seorang perwakilan UMNO sejunis selepas beliau menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO pada 2002

KHABAR ANGIN ATAU KENYATAAN?
Muka 22

DR M TETAP TERLUKA!

DARI PENERBIT!

KEMESRAAN SAHABAT LAMAI

Penerbit / Ketua pengarang ERA BARU, Datuk Idris Tulis bersalaman dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika menghadiri majlis Hari Keputeraan Sen Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di Istana Negara 3 Jun yang lalu.



beberapa isu nasional. Akibatnya sebilangan besar pemimpin UMNO termasuk Menteri-Menteri Besar melenting, mencemuh dan mencerca serta mengeluarkan ungkapan-ungkapan pedih yang melukai hati Dr. Mahathir. Banyak pihak beranggapan sikap mereka itu sebagai tidak manis di dengar dan langsung tidak sopan, seolah-olah Dr. Mahathir tidak pernah berjasa dan bukan lagi ahli UMNO.

Lebih mendukacitakan apabila sesetengah pemimpin UMNO bersikap 'lebih sudu daripada kuah' dan mula bersifat biadap. Mereka secara tidak berhemah, tidak beradab, tidak "berhati peruf menyerang dan menghina apabila Dr. Mahathir bersuara menegur beberapa dasar dan kepimpinan Kerajaan. Mereka berbuat demikian kononnya untuk menunjukkan kepada Perdana Menteri dan sekalian rakyat bahawa mereka lah pemimpin yang setia dan sanggup bermatian-matian bersama Pak Lah. Kata-kata berupa halwa telinga itulah juga yang pernah didengar sewaktu mereka memuji dan memuja Dr. Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Ungkapan sama, tetapi berlainan tuan!

Ada yang menggelarkan diri mereka sebagai 'balaci' Pak Lah, malah ada yang sanggup ke depan untuk mempertahankan Pak Lah. Perkataan tegas sebegini juga sama bunyinya ketika mereka berada di belakang bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Begitu juga ketika Dr. Mahathir berkuasa, semua berkata yang mereka sanggup rebah dan bangun bersama Dr. Mahathir; tetapi apabila bekas Perdana Menteri itu berundur, semuanya hilang seorang demi seorang. Sama ada ia 'cakap tak serupa bikin' atau 'cakap can makan', hanya ahli-ahli UMNO yang tahu.

Banyak reaksi daripada orang ramai yang amat terkejut dengan gelagat dan telatah beberapa pemimpin UMNO yang tanpa segan-silu menyerang Dr. Mahathir. Malah ada yang secara terbuka meminta supaya beliau jangan mencampuri urusan Kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, dan ada pula yang mendesak supaya Dr. Mahathir jangan bercakap dan tutup mulut.

Seorang kenalan dalam UMNO yang begitu rapat dengan Dr. Mahathir meluahkan rasa kecewa dan sedih terhadap sikap hipokrit sesetengah pemimpin UMNO yang kebanyakannya didakwa

sebagai burung kakak tua, lalang dan Pak Pandir yang berteriak mengeluarkan pelbagai kenyataan sinis dan menghina Dr. Mahathir manakala akhbar-akhbar tempatan pula menjadi gelanggang untuk menyiarkan 'kenyataan-kenyataan sampah' yang boleh mengeruhkan lagi keadaan dan seterusnya memecahbelahkan perpaduan orang Melayu.

PERASAAN


Kenyataan demi kenyataan seperti 'kami berada di belakang Pak Lah', kami sdkong Pak Lah' dan pelbagai lagi kata-kata retorik dan hipokrit dikeluarkan oleh pengampu-pengampu politik yang pernah mengecap kesenangan di era pemerintahan Dr. Mahathir bertujuan untuk meminggir dan seterusnya memulau bekas Perdana Menteri yang telah menghabiskan masa selama 22 tahun untuk kepentingan rakyat dan negara ini.

Pemimpin-pemimpin UMNO termasuk yang pada suatu ketika dahulu berebut-rebut untuk mencium tangan Dr. Mahathir, kini sudah hilang perasaan kemanusiaan, luntur semangat menghormati bekas pemimpin dan jauh disudut hati mereka seolah-olah tersemat rasa benci dan meluat kepada Dr. Mahathir, semata-mata kerana dirasuk oleh kepentingan peribadi dan bersifat 'untuk menjaga hati Pak Lah'.

Mereka ini kini berebut-rebut pula untuk mencium tangan Pak Lah.

Sebaliknya mereka tidak pernah bertanya pada diri sendiri, apakah perasaan dan apakah hati Dr. Mahathir tidak akan terluka apabila saban hari melihat gelagat pemimpin UMNO yang mengecam, menghina dan mengiuarkan kata-kata pedas dan kesat menerusi akhbar dan di kaca televisyen. Sedangkan pada suatu ketika dahulu golongan inilah yang bertenggek dan menjadi penjilat politik ketika Dr. Mahathir bergelar Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Sewaktu Dr. Mahathir meng



Mungkin ada sesuatu yang menarik diperkatakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Penerbit ERA BARU ketika ke dua-dua sahabat lama itu bertemu di Lapangan Terbang TUDM sebelum Tun Dr. Mahathir berlepas ke luar negara untuk memenuhi jemputan ketua negara asing. umumkan akan berundur diri daripada Kerajaan dan UMNO, banyak pemimpin-pemimpin UMNO yang meraung menangis hiba termasuk Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein. Malah tanpa segan silu dan terlupa kepada adat resam budaya Melayu, Dr. Mahathir dipeluk di depan ribuan perwakilan UMNO, kononnya tidak mahu Dr. Mahathir melepaskan jawatan dan bergema teriakan 'Hidup Mahathir' di Dewan Merdeka.


Ribuan perwakilan UMNO dan jutaan rakyat Malaysia melihat adegan sedih tersebut dan mereka menjadi saksi kepada telatah dan perangai pemimpin-pemimpin UMNO yang kononnya sayangkan Dr. Mahathir. Tetapi tidak sampai tiga tahun dan ketika Dr. Mahathir masih lagi hidup, pemimpin-pemimpin UMNO jenis itulah juga yang bangun mengecam, menghina dan 'menikam belakang' bekas Perdana Menteri itu. kononnya terpaksa berpijak kepada realiti dan suasana politik hari ini, politik UMNO yang sedang dikuasai oleh Pak Lah.

Lebih 3 juta ahli-ahli UMNO dan orang Melayu keseluruhannya tidak akan menafikan bahawa sebahagian besar menteri-menteri



Bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew mengadakan perterauan dengan Datuk Seri NajibJuff Razak yang ketika itu "menjawab jawatan' Menterri Perfahaman, df Koala turripur.'

DR M TETAP TERLUKA!



dan pemimpin UMNO yang berada di dalam keadaan mewah dan senang-lenang dalam jemaah kabinet Pak Lah sekarang ini adalah hasil ehsan dan peninggalan Dr. Mahathir. Sepatutnya mereka berasa malu pada diri sendiri dan terhutang budi kepada tokoh itu. Tetapi malangnya, mereka ini adalah golongan manusia yang terlalu mudah lupa kepada jasa-jasa yang diberikan oleh Dr. Mahathir. Golongan ini menjadi pelupa kerana ketaksabaran kepada kedudukan dan jawatan dalam parti dan kerajaan. Oleh itu, ingatan Dr. Mahathir bahawa 'Melayu mudah lupa' sebenarnya adalah satu kenyataan yang sememangnya memaksudkan 'Melayu mudah lupa' itu adalah Melayu yang menjadi ahli dan pemimpin UMNO.

Banyak rakyat dan ahli-ahli UMNO yang daif di kampung-kampung dan pinggir bandar, sama ada nelayan, petani, pekebun kecil dan penjawat awam mula bertanya: "Apakah dosa besar Dr. Mahathir sehinggalah beliau tidak boleh bersuara dan menegur Kerajaan yang ada hari ini? Sedangkan Dr. Mahathir tidak ada sebarang kuasa, sekadar rakyat Malaysia dan ahli biasa UMNO Bahagian Kubang Pasu...".

Jika difikir menggunakan logik akal, sudah tentu Dr. Mahathir tidak akan menamakan Pak Lah sebagai pengganti beliau jika beliau pada awal lagi bermusuhan dan tidak senang perut' dengan Pak Lah. Adalah lebih baik pada ketika itu Dr. Mahathir melantik Datuk Seri Najib Tun Razak atau pun Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri. Tetapi kerana Dr. Mahathir yakin dan percaya kepada ketelusan dan kepimpinan Pak Lah, maka beliau pun menamakan Pak Lah sebagai bakal Perdana Menteri, walaupun ada suara-suara sinjs yang mempertikaikan keputusan Dr. Mahathir itu.

Jika ini diambil kira sebagai logik, bermakna pertelingkahan dan permusuhan antara Dr. Mahathir dengan Pak Lah seolah-olah dida langi oleh pihak ketiga. Ada unsur luaran yang barangkali sengaja menyemarakkan api sengketa di antara mereka berdua bertujuan untuk menghancurkan kekuatan UMNO dan meranapkan perpaduan umat Melayu di negara ini.

Sebagai bekas Perdana Menteri, sudah tentu Dr. Mahathir akan berasa kecil hati jika beliau tidak dirujuk oleh pemimpin Kerajaan yang ada hari ini bersabit dengan pembatalan beberapa projek besar seperti jambatan 'bengkok' antara Singapura dan Malaysia, kerana sebahagian besar menteri kabinet termasuk Pak Lah pada ketika itu turut membincangkan dan mempersetujui cadangan projek tersebut. Ini bermakna keputusan itu diputuskan oleh Jemaah Menteri Kabinet, dan bukannya secara berseorangan oleh Dr. Mahathir.

Begitu juga halnya dengan isu pengagihan Permit Import Kereta (AP). Dr. Mahathir malah sesiapa sahaja yang menjadi rakyat negara ini berhak mahu tahu, bertanya dan mempersoalkan kenapa Kerajaan memberikan ribuan AP hanya kepada dua dan tiga individu tertentu sahaja, yang langsung tidak memenuhi kelayakan atau syarat sebagai pengedar kereta seperti tidak mempunyai bilik pameran. Ini bermakna MITI secara terang dan nyata sudah melanggar syaratnya sendiri.

Rakyat di kampung-kampung pun secara mudah akan membuat tafsiran bahawa keadaan itu sudah terdedah kepada sesuatu yang tidak betul. apatah lagi bagi seorang bekas Perdana Menteri, seperti Dr. Mahathir yang sudah teniunya tidak tergamak melihat penyelewengan berlaku di depan mata. Soalan Dr. Mahathir hanya mudah: "kenapa dua tiga orang yang dapat ribuan AP?". Itu sahaja pertanyaan beliau, tetapi kenapa pelbagai jawapan diberikan tetapi penuh kekeliruan. Di dalam peperiksaan, menjawab apa soalan yang ditanya dikira betul dan mendapat markah, tetapi lain yang ditanya lain pula yang dijawab, sudah tentu markahnya kosong, kerana jawapan tembelang dan tidak ada makna..

Seandainya Dr. Mahathir tidak membongkar mengenai 'cerita misteri' AP itu, sudah tentu tidak ada sesiapa yang akan tahu bahawa rupa-rupanya MITI sudah tidak berlaku adit dalam pemberian AP, yang hanya dianugerahkan kepada seorangan dua individu sahaja, itu pun kepada mereka yang tidak diketahui sejauhmana pengorbanan dan perjuangan mereka kepada UMNO.

Tempoh 22 tahun adalah satu jangka masa yang lama dan Dr. Mahathir sudah melalui pelbagai sekap terajang dalam dunia politik dan penuh pengalaman yang rasanya tidak ada kepada pemimpin UMNO yang lain, termasuk pemimpin muda yang lantang mengancam bekas Perdana Menteri itu.

Di Singapura umpamanya, bekas Perdana Menteri. Lee Kuan Yew masih lagi diperlukan malah beliau sentiasa berada di belakang kerajaan Republik itu

Lee bertindak selaku pemerhati dan melihat apa yang berlaku sambil menegur dan membisik-bisikkan pendapatnya kepada kepimpinan muda yang menerajui negara. Mengapa Lee yang sudah berumur, masih lagi diperlukan? Ini menunjukkan bahawa pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti beliau masih lagi diperlukan oleh pemimpin muda Singapura pada ketika ini.

Ketika saya berada di luar negara kerana membuat liputan lawatan Dr Mahathir ke negara-negara yang sedang membangun, bebrapa warga dari negara tersebut menyatakan hasrat kalau boleh mereka ingin meminjam Dr. Mahathir buat seketika untuk mentadbir dan membangunkan negara mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka sedar di ataskeupayaan dan kecekapan Dr. Mahathir untuk membawa perubahan dan pembangunan untuk rakyat dan negara mereka.

Tetapi amat mendukacitakan kita di Malaysia ini, seorang bekas Perdana Menteri yang masih cergas pemikirannya sehingga dipe raku oleh dunia, sihat fizikalnya dan bernas hujahnya telah diperlecehkan oleh pemimpin UMNO sendiri. Seolah-olah, beliau adalah seorang tua jalanan, seorang tua yang tidak boleh diguna pakai lagi tutur katanya. Alangkah malunya, pemimpin UMNO yang kononnya Melayu tergamak dan sampai hati menyiku Dr. Mahathir ke tepi, menyepak buah fikirannya dan memijak pandangannya, semata-mata kerana khuatir akan hilang jawatan dan menjejaskan perniagaan mereka.

BERKORBAN

Alangkah hibanya perasaan seorang bekas Perdana Menteri, bekas Presiden UMNO dan bekas pejuang bangsanya. diperlecehkan oleh bangsanya sendiri, dicera dan dikutuk secara terbuka oleh pemimpin UMNO itu sendiri. Segannya menjadi Melayu apabila pemimpin UMNO yang berteriak kononnya berjuang mengangkat martabat Melayu, rupa-rupanya sudah luntur sifat kemelayuannya.

Saya teringat semula kepada kata-kata Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, yang antaraia ini berbunyi: "Dulu saya diangkat setinggi langit. tetapi sekarang saya dicampakkan ke bumi..." Itulah realiti yang menimpa kepada Bapa Kemerdekaan dan bekas pemimpin UMNO yang telah berkorban seluruh jiwa dan raganya untuk kemerdekaan negara. Walaupun Dr. Mahathir belum lagi dicampakkan ke longkang oleh pemimpin UMNO, tetapi sudah ada tanda-tanda bahawa pemimpin seperti Dr. Mahathir sudah tidak diperlukan lagi di era globalisasi ini.

Mungkinkah pemimpin-pemimpin UMNO kini sudah lupa kepada akibat persengketaan politik negara membabitkan pemimpin besar, rakyat hilang keyakinan kepada kerajaan dan UMNO akhirnya terpaksa diheret ke mahkamah dan dibatalkan pendaftarannya? Dalam situasi gawat itu, Malaysia menempa sejarah apabila ditadbir oleh bekas Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik (Tun) yang bertindak sebagai Pengerusi Barisan Nasional walaupun cuma dalam tempoh tiga mint. Peristiwa genting dan menakutkan itu sepatutnya dijadikan iktibar dan pedoman oleh seluruh umat Melayu dan pemimpin UMNO.

Almarhum Tunku menangis apabila parti Melayu itu diharamkan kerana menyedari tempat orang "Melayu berteduh dan mengadu nasib sudah tidak ada lagi. Selepas UMNO Baru diwujudkan pada 15 Februari 1988, Tunku tidak menyertai parti berke naan sehinggalah ke akhir hayatnya. Tetapi Tunku masih sayang kepada UMNO seraya mengingatkan orang Melayu supaya menjaga UMNO itu dengan baik dan perlu dibaja dan disiram sepanjang masa supaya ia terus subur.

Ketika wujud dua kumpulan dalam UMNO pada tahun 1987 iaitu TEAM 'A' dan TEAM 'B' Pak Lah yang dilihat sebagai menyebelahi TEAM 'B' yang ketika itu diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Musa Hitam, telah disingkirkan daripada kabinet Dr. Mahathir. Dan ketika Pak Lah tidak mempunyai sebarang jawatan dalam Kerajaan dan UMNO, hanya beberapa kerat ahli UMNO yang sudi untuk menziarahi beliau. Saya teringat kembali bagaimana pada 12 Disember 1987 apabila saya mengunjungi beliau di kediamannya, saya bertanyakan kepada Pak Lah, apakah yang boleh saya lakukan untuk membantu beliau dalam keadaan begitu.

Pak Lah telah berterus terang dengan meminta saya menjelaskan kepada Dr. Mahathir bahawa beliau (Pak Lah) tidak anti-Mahathir tetapi tetap setia kepada kepada tokoh itu serta tidak menyokong 'TEAM B' seperti yang didakwa oleh banyak pihak. Pada ketika itu, tidak ada mana-mana pemimpin UMNO yang sanggup untuk bertemu dengan Pak Lah dan menawarkan pertolongan, semuanya



Hubungan rapat Datuk Idris dengan Bapa Kemerdekaan Negara, almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Gambar ini dirakamkan pada Hari Keputeraan Almarhum Tunku yang ke-83 yang dianjurkan oleh Idris di pejabatnya di Wisma Ceria, Kuala Lumpur.

menjauhkan diri, termasuk yang ada hari ini yang kononnya akan setia dan tetap rebah bersama Pak Lah. Ini semua cakap tidak serupa bikin dan Pak Lah saya kira tahu dan diharapkan tidak terpedaya dengan pemimpin yang hanya memikirkan kepentinganperibadi.

Saya terus bergegas ke lapangan terbang di Subang yang mana pada ketika itu Dr. Mahathir akan berlepas ke Manila untuk lawatan kerjanya. Saya sempat menyampaikan dan membisikkan kepada Dr. Mahathir apa yang dijetaskan oleh Pak Lah tentang pendiriannya yang sentiasa menyokong Dr Mahathir. Dan cakap-cakap bahawa beliau menentang Dr. Mahathir tidak benar sama sekali. Dr. Mahathir kelihatan menerima penjeiasan saya itu dan mula menerima semula kehadiran Pak Lah seperti yang telah terbukti selepas itu.

Dalam krisis kepimpinan dan pertembungan politik UMNO pada 1987, saya melihat keadaan begitu membimbangkan seolah-olah orang-orang Melayu akan berperang sesama sendiri ketika mana TEAM 'A' dan TEAM 'B' berpecah berpecah. Dato' Sri Musa Hitam (Tun) menentang TEAM 'A' yang diterajui oleh Presiden UMNO ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Encik Ghafar Baba (Tun) sebagai timbalannya. Saya telah berusaha dan merayu kepada Tunku untuk menjadi orang tengah dan memujuk Tengku Razaleigh supaya tidak meneruskan hasratnya menentang Dr Mahathir sebagai Presiden UMNO.

Diatas permintaan Tunku, saya telah mengaturkan perjumpaan diantara Tunku dengan Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur pada 3 April 1987. Dan Tunku terbang ke Kuala Lumpur dari Pulau Pinang semata-mata untuk menemui Tengku Razaleigh. tetapi malangnya usaha Tunku dan usaha saya itu untuk mengelakkan pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO dan Timbalan Presiden UMNO tidak tercapai. Dan pada tahun 1989 pula, apabila Tunku membuat beberapa teguran kepada kepimpinan Dr Mahathir, beliau telah dicemuh dan dicera oleh beberapa pemimpin UMNO dan akhbar-akhbar tertentu telah memutar belitken kenyataan Tunku.

Saya telah memujuk Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menghadap Tunku bersama ahli-ahli exconya dan memberhentikan ahli-ahli UMNO daripada melomparkan kata-kata yang tidak membina terhadap Tunku. Pertemuan tersebut berlaku pada 29 oktober 1989 dan disusuli pula oleh Pergerakan Wanita dan akhirnya hasrat saya untuk menemukan Tunku dengan Dr Mahathir akhirnya berjaya pada 11.11.1989. Tujuan utama adalah untuk mencapai perpaduan antara orang-orang Melayu. Selepas kedua-dua pertemuan kedua-dua tokoh itu, saya telah bertanya kepada Tunku, apakah diantara yang dikatakan kepada Dr Mahathir.

"Kalau ada apa-apa hat penting. tak payah jumpa saya, telefon dah cukup". Begitulah kemesraan dan rasa hormatnya Tunku kepada Dr. Mahathir.

Saya sengaja mengimbas semula kenangan itu semoga dijadikan panduan dan teladan kepada pemimpin-pemimpin UMNO dalam menangani perseiisian kecil yang berlaku kini antara Dr. Mahathir dengan Pak Lah, bahawa pendekatan secara musyawarah. keikhlasan dan setiakawan adalah kunci kepada jalan kebaikkan. Semua pihak termasuk pihak media perlu berusaha untuk merapatkan semula hubungan kedua-dua tokoh ini agar ianya menjadi sanjungan kepada generasi muda di kemudian hari.

Janganlah ada mana-mana pihak yang sengaja menyekat usaha Dr. Mahathir untuk bertemu Pak Lah, dan begitu juga sekiranya Pak Lah berhasrat untuk bertemu secara empat mata dengan Dr. Mahathir. Kita khuatir kalau-kalau ada muslihat atau agenda pihak tertentu untuk sengaja mencetuskan perbalahan ini demi untuk kepentingan politik mereka.

Cantumlah semula perpaduan yang menjadi teras kepada kekuatan UMNO selama ini dan kepada mana-mana pemimpin UMNO hendaklah lebih bersopan dan berhati-hati apabila mengemukakan kata-kata, kerana sepeatah ayat, boleh melukai dan menghiris perasaan orang lain, sepertimana yang telah mereka perlakukan kepada Dr. Mahathir.

Dan ingatlah, jika seorang-bekas Perdana Menteri seperti Dr. Mahathir pun tergamak dihina oleh pemimpin UMNO sendiri, apakah tidak mustahil Pak Lah juga akan menerima nasib yang serupa yang dirasai Dr. Mahathir apabila beliau sudah tidak lagi bergelar Perdana Menteri.

Pada hemat saya, dalam mencari permuafakatan dan menjemih kan semula hubungan yang agak keruh itu, tidak salah kiranya Pak Lah melapangkan sedikit masa untuk sarapan pagi bersama Dr. Mahathir. Mungkin dengan secawan kopi, hubungan antara mereka akan kembali bertaut.

Akhirmya, marilah kita mendoakan kepada Allah SWT semoga dipanjangkan usia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mentadbir negara dengan jayanya dan meneruskan perjuangan UMNO dan orang-orang Melayu. Dan tentang Tun Dr Mahathir pula kita jangan lupa kepada jasa, pengalaman dan buah fikiran beliau yang masih diperlukan oleh rakyat dan negara ini.

Apatah lagi hanya beliau sahaja merupakan tokoh dan pejuang bangsa yang berani dan masih berada bersama kita. Kepada siapa lagi kita boleh mendapatkan pandangan dan nasihat sedangkan rakan-rakan seangkatan dan seperjuangan beliau telah mendahului kita. Janganlah kita memuji dan mengangkat seseorang ke langit seperti yang berlaku kepada Allahyarham Tun Ghafar setelah beliau tiada lagi.